

5 prinsip membawa kejayaan Malaysia: Abdullah

BH - 2/9/2004: 2 ferd

KUALA LUMPUR: Kejayaan Malaysia mengubah ekonominya daripada berasaskan pertanian kepada ekonomi perindustrian yang kini disanjung tinggi kerana lima prinsip utama termasuk mempunyai wawasan yang nyata, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, empat lagi prinsip yang membawa kejayaan itu ialah proaktif membentuk pemikiran minda dan jiwa, membentuk konsensus dan tolak ansur, fokus terhadap prestasi serta memanfaatkan rangkaian global.

Katanya, bagi sesebuah negara ataupun pertubuhan, wawasan yang jelas adalah lebih kritikal terutama ketika keadaan ekonomi tidak menentu. Wawasan juga memimpin negara dalam membuat keputusan dan tindakan.

"Bagi Malaysia, Wawasan 2020 jelas menggariskan bukan saja matlamat kuantitatif untuk mencapai status negara maju menjelang 2020 tetapi juga standard kualitatif mengenai jenis masyarakat dan budaya yang hendak kita bina," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Persidangan Antarabangsa Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Rantau Asia Pacific sempena Mesyuarat Tahunan TEC Asia ke-6, di sini, semalam.

Teks ucapannya dibacakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed. Persidangan itu dihadiri hampir 400 CEO yang membincangkan bagaimana CEO boleh mempertingkatkan lagi prestasi bagi menyaingi cabaran dalam perniagaan masing-masing.

Abdullah berkata, Malaysia juga menyedari bahawa wawasan mesti dilengkapi usaha proaktif untuk membentuk pemikiran minda dan jiwa. Ia mesti jelas, mencabar dan meningkatkan keupayaan dan imaginasi.

"Di satu pihak, rakyat lazimnya boleh menjadi skeptikal. Oleh itu wawasan menjadi tidak berguna jika rakyat menolaknya sebagai tidak realistik. Sebab itu kita perlu memperkukuhkan secara proaktif semangat Malaysia Boleh," katanya.

Beliau berkata, aspek utama proses pembangunan juga adalah keupayaan Malaysia yang penduduknya berbilang agama dan budaya, membentuk konsensus serta saling menghormati.

"Sama juga dalam mana-mana pertubuhan perniagaan, seseorang itu mesti bekerja keras untuk mewujudkan konsensus dan tolak ansur di kalangan bahagian dan kumpulan yang berbeza," katanya.

Malaysia juga percaya bahawa rakyat mesti memperlengkapkan diri dengan keazaman tinggi, disiplin dan kesungguhan untuk terus mempertingkatkan prestasi sama ada pada peringkat ekonomi makro, mewujudkan prestasi nilai pemegang saham syarikat dan prestasi peringkat individu.